

**UCAPAN
YANG MULIA DATO PADUKA
KIFRAWI BIN DATO PADUKA HAJI KIFLI
DI UPACARA PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG
HARI SELASA 13 FEBRUARI 2001**

**UCAPAN
YANG MULIA DATO PADUKA
KIFRAWI BIN DATO PADUKA HAJI KIFLI
DI UPACARA PEMBUKAAN TAHUN UNDANG-UNDANG
13 FEBRUARI 2001**

Bismillahir Rahmanir Rahim,

Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Yang Amat Arif, Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi

Yang Berhormat,

Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama
Awang Haji Isa bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Laila Utama
Awang Haji Ibrahim, Penasihat Khas kepada Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri
Hal Ehwal Dalam Negeri

Para tetamu,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya amat sukacita seperti lazimnya dapat berucap di Mahkamah ini sebagai Peguam Negara pada upacara Pembukaan Tahun Undang-Undang bagi tahun 2001.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita sekali lagi hadir pada upacara pagi ini untuk melihat tradisi undang-undang yang amat penting dan bagi membaharui ikrar kita untuk berkerjasama serta saling bantu-membantu dalam menjalankan dengan sewajarnya jentera keadilan dan mempertahankan Kedaulatan Undang-Undang.

Yang Amat Arif,

Pada upacara ini, sesuai bagi kita untuk merenung perkara-perkara yang telah kita capai tahun lepas dan kita cuba pula merancang ke arah masa depan.

Undang-Undang Baru

Sejak pembukaan tahun undang-undang menjelang abad baru, beberapa undang-undang telah diluluskan. Saya ingin menyebutnya secara ringkas.

Undang-undang bagi menyokong Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei

Jabatan Peguam Negara telah dengan giatnya terlibat dalam memperkenalkan beberapa undang-undang baru bagi menyokong inisiatif Kerajaan pada menjadikan Brunei sebagai Pusat Kewangan Antarabangsa. Undang-undang ini termasuklah Perintah Perbankan Antarabangsa, 2000, Perintah Syarikat Perniagaan Antarabangsa, 2000, Perintah Ejen Berdaftar dan Pemegang Amanah, 2000, Perintah Amanah Antarabangsa, 2000 dan Perintah Perkongsian Berhad Antarabangsa, 2000. Kebanyakan undang-undang ini mula berjalan kuatkuasanya pada 1hb Julai tahun lalu.

Undang-undang bagi menyokong E-dagang dan Kerajaan Elektronik

Beberapa undang-undang baru telah juga diperkenalkan bagi menyokong usaha Kerajaan dalam cuba menggalakkan perkembangan perdagangan elektronik di negara ini. Undang-undang yang paling penting yang diperkenalkan adalah Perintah Urusniaga Elektronik, 2000 yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada 20hb Nobember tahun lalu. Sebaik sahaja undang-undang ini berkuatkuasa sepenuhnya, antara lain, ia akan memberikan kesahan dari segi undang-undang terhadap kontrak-kontrak yang dibuat secara elektronik, mengiktiraf tandatangan digital dan pihak berkuasa pemerakuan. Undang-undang tersebut akan memberikan satu infrastruktur undang-undang yang terjamin di mana urusniaga elektronik dapat dijalankan.

Undang-undang baru itu juga memperuntukkan satu peruntukan am yang akan membenarkan Jabatan-Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan untuk memulakan Kerajaan Elektronik mereka atau inisiatif e-Kerajaan tanpa meminda semula pada keseluruhannya undang-undang yang sedia ada.

Sementara itu revolusi Internet dan perdagangan elektronik akan memberikan platform perniagaan lain bagi perniagaan-perniagaan kita, ia juga telah menimbulkan cabaran-cabaran baru bagi penguatkuasaan undang-undang. Jenayah-jenayah baru timbul bersama teknologi baru. Dahulunya, sebagai misalan, “pencuri perkhidmatan” tidak terdapat dalam Kanun Hukuman Jenayah kita. Tetapi sekarang ini ada orang yang meraih keuntungan dengan mendapat akses percuma tanpa kebenaran kepada Pembekal-Pembekal Perkhidmatan Internet sama ada dengan mencuri kata laluan orang lain atau dengan hanya melakukan “hacking” melalui sistem komputer Pembekal Perkhidmatan Internet. Di peringkat global, kita ada mendengar kes-kes di mana sistem komputer telah dimasuki dan data yang berharga dicuri melalui akses tanpa kebenaran ini.

Menyedari “computer hacking” dan jenayah-jenayah siber yang lain boleh membantutkan perkembangan perdagangan elektronik dan penggunaan IT yang sewajarnya, salah satu inisiatif paling penting yang disarankan oleh Jabatan Peguam Negara adalah dengan memperkenalkan Perintah Penyalahgunaan Komputer, 2000, yang memasukkan satu set kesalahan-kesalahan baru khusus untuk memberikan perhatian kepada kemungkinan penyalahgunaan

teknologi maklumat dan Internet. Undang-undang baru ini mula berjalan kuatkuasanya pada 21hb Jun tahun lalu.

Adalah diambil maklum bahawa Brunei adalah antara beberapa negara pertama di rantau ini yang telah memperkenalkan peruntukan komprehensif seperti itu.

Saya secara peribadi percaya bahawa mana-mana sistem undang-undang yang tidak bersedia menghadapi cabaran-cabaran baru ini akan hanya menjadikannya sebagai tempat yakni haven bagi jenis kegiatan-kegiatan jenayah baru itu.

Sementara itu Kerajaan beriltizam untuk mengembangkan aspek-aspek positif Internet dan faedah serta peluang yang amat besar yang dibawanya terhadap masyarakat kita, Kerajaan juga menyedari aspek-aspek negatif mengenainya. Pertumbuhan pesat isi kandungan Internet yang tidak diingini atau tapak-tapak seperti tapak cyberporn atau tapak perjudian dalam Internet, seperti negara-negara lain, adalah juga membimbangkan negara ini.

Oleh sebab itu Kerajaan baru-baru ini telah memperkenalkan satu skim pelesenan kelas Internet dan Tataamalan Internet. Peraturan-peraturan baru ini yang mula berjalan kuatkuasanya kelmarin (12 Februari 2001) adalah satu set undang-undang tambahan kepada Akta Penyiaran (Penggag 180). Tujuan utama undang-undang ini adalah untuk mengawalselia isi kandungan Internet tempatan bagi memastikan bahawa sebarang isi kandungan yang dibekalkan oleh pembekal isi kandungan tempatan tidak bertentangan dengan kepentingan awam atau keharmonian negara atau yang melanggar cita rasa yang baik dan tatasusila.

Perkembangan Dalaman di Jabatan Peguam Negara

Menyentuh perkara Teknologi Maklumat, saya ingin berkongsi dengan Yang Amat Arif, mengenai perkembangan terbaru yang sedang berlaku sekarang ini di Jabatan saya. Mulai awal tahun ini, kami telah memulakan projek perkembangan IT dalaman yang besar. Ini selaras dengan inisiatif Kerajaan dalam usaha menggalakkan Kerajaan elektronik dan penggunaan IT yang meluas. Kami telah mengatur satu infrastruktur rangkaian penuh di Bangunan Undang-Undang dan terkecuali Pejabat Pendaftaran

Tanda-Tanda Perniagaan dan Paten, kami sekarang ini telah mencapai konektiviti rangkaian penuh bukan sahaja kepada penggunaan produktiviti dalaman kami tetapi juga kepada Internet dalam talian ADSL. Kami kini telah mencapai sepenuhnya seorang pegawai seorang komputer di setiap bahagian Jabatan saya. Kami juga telah mengatur sejumlah penggunaan yang memberikan tumpuan tentang bagaimana kami dapat menggunakan teknologi Internet pada masa ini untuk mengembangkan satu sistem intranet. Keseluruhan sistem kini diurus oleh unit IT di Jabatan saya yang baru ditubuhkan.

Dalam hal ini, saya ingin mengambil peluang untuk menyampaikan penghargaan saya kepada Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara Kementerian Kewangan dan Pengarah Percetakan Kerajaan sendiri, yang telah memberikan sokongan peribadi dan nasihat dalam pelaksanaan awal keseluruhan projek.

Dalam hubungan ini, saya sukacita juga ingin menawarkan bantuan kami kepada Jabatan Kehakiman dalam bidang ini kerana saya percaya kerjasama dalam perkembangan IT boleh mendatangkan

faedah bersama baik kepada Jabatan Peguam Negara mahupun Jabatan Kehakiman.

Sepertimana yang kita lihat sekarang ini Internet telah memberikan kepada kita banyak ilmu dan maklumat betul-betul di hujung jari kita, saya secara peribadi melihat cabaran sebenar dalam apa yang dipanggil ekonomi berasaskan ilmu ini adalah bagaimana kita dapat mengurus ilmu itu sendiri. Secara peribadi, saya percaya formula kepada “pengurusan ilmu” ini akan melibatkan pencarian cara-cara yang paling efisien dan berkesan bagi mendapatkan ilmu atau maklumat persendirian dan menukarnya ke dalam “ilmu organisasi”. Dari sini saya melihat cabaran yang dibawa oleh Teknologi Maklumat dan inovasi yang datang bersamanya.

Sepertimana Yang Amat Arif nyatakan terdahulu Jabatan saya telah dapat memendekkan kelewatan pendakwaan. Pujian patut diberikan kepada Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya di Bahagian Jenayah Jabatan saya yang kadang-kadang bekerja lebih lama dan membuat perundingan dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang bagi memastikan supaya kelewatan dielakkan. Meskipun ia akan dijalankan secara berterusan, saya walau bagaimanapun perlu menekankan bahawa faktor-faktor luaran

seperti kelewatan menerima Laporan Pakar yang biasanya diperolehi dari luar negara ini dan ketiadaan saksi-saksi pakar ini untuk memberikan keterangan masih menjadi penyebab kelewatan tersebut. Sehingga pada satu masa Brunei mempunyai pakar-pakarnya sendiri, kelewatan tersebut masih boleh berlaku.

Undang-undang untuk melindungi orang yang kurang bernasib baik dan tidak berupaya mempertahankan diri

Yang Amat Arif,

Sering kali diperkatakan dalam mana-mana masyarakat matlamat yang ingin dicapai adalah keaman dan kestabilan, keadaan masyarakat dan ekonomi yang lebih baik dan kemakmuran kepada rakyatnya – undang-undang adalah alat yang penting untuk mencapai matlamat-matlamat tersebut. Kita memerlukan undang-undang untuk mentakrifkan hak dan kewajipan orang ramai dan mengadakan peraturan-peraturan asas bagi urusanniaga perniagaan dan hak individu. Undang-undang yang baik bagi memenuhi kehendak-kehendak ini akan memberikan asas yang kukuh untuk membina masa depan.

Dalam era globalisasi dan dalam dunia tanpa sempadan yang sentiasa meningkat, kita memerlukan undang-undang yang dilihat sebagai pemudah cara bukan sebagai penghalang atau kita menghadapi risiko dipingirkan. Kita memerlukan undang-undang yang dapat meniadakan halangan kerana setelah halangan ditiadakan masyarakat akan terbuka kepada kegiatan kreatif dan kegiatan ekonomi yang lebih besar di mana setiap seorang akan mendapat faedah.

Walau bagaimanapun, undang-undang yang baik hendaknyalah dilaksanakan tanpa mengorbankan nilai-nilai moral dan ugama yang kita pertahankan dan kewajipan kita terhadap orang yang tidak berupaya mempertahankan diri dan orang yang kurang bernasib baik.

Dalam konteks ini, Perintah Kanak-Kanak, 2000 adalah salah satu undang-undang yang amat penting yang telah diluluskan tahun lalu dengan tujuan utama untuk mengurangkan kejadian penganiayaan kanak-kanak di negara ini. Undang-undang tersebut memperuntukkan bagi penubuhan Kumpulan Bertindak mengenai Penganiayaan Kanak-Kanak antara agensi untuk tujuan menyelaraskan perkhidmatan berasaskan setempat kepada anggota keluarga dan kanak-

kanak jika kanak-kanak memerlukan perlindungan atau disyaki memerlukan perlindungan.

Undang-undang untuk melindungi pengguna dan masyarakat

Dalam konteks perlindungan pengguna, Perintah Darurat (Kesihatan Awam) (Makanan), 1998 dan undang-undang tambahannya, Peraturan-Peraturan Kesihatan Awam (Makanan), 2000 mula berjalan kuatkuasanya pada 1hb Januari 2001. Undang-undang ini pada umumnya bertujuan untuk memastikan bahawa semua jenis makanan yang dijual di negara ini adalah sesuai untuk makanan manusia.

Undang-undang untuk melindungi alam sekitar

Dalam konteks melindungi alam sekitar terutama sekali dalam memulihara hutan hujan kita, hukuman terhadap pembalakan secara haram dan beberapa kegiatan haram yang lain di bawah Akta Hutan telah dinaikkan. Tindakan ini adalah bersesuaian selaras dengan usaha kita untuk menggalakkan Brunei sebagai destinasi eko-pelancung

Cara-Cara ke Masa Depan

Meneruskan pendidikan undang-undang

Yang Amat Arif,

Bagi membolehkan perkhidmatan undang-undang kita terus relevan bagi menghadapi cabaran-cabaran baru di alaf ini, saya penuh percaya supaya cara-cara baru diteroka bagi memastikan semua pengamal undang-undang di Negara Brunei Darussalam dilengkapi dengan lebih baik dengan ilmu baru dalam bidang baru undang-undang.

Bidang baru undang-undang seperti perbankan dan kewangan luar pesisir, Hukum Syara'/Undang-Undang Syariah, perbankan dan kewangan Islam, kerja sempadan silang yakni cross-border work, harta intelektual, perdagangan elektronik dan kerja Pertubuhan Perdagangan Duni (WTO) adalah antara banyak bidang baru undang-undang yang muncul di mana kepakaran undang-undang perlu diperolehi. Ilmu baru ini hanya dapat diperolehi melalui proses pembelajaran. Oleh itu, kita patut menimbangkan dengan menjadikannya wajib bagi pendidikan undang-undang yang berterusan di kalangan pengamal-pengamal undang-undang kita.

Jika semua pengamal undang-undang kita melengkapkan diri mereka dengan ilmu baru ini, mereka sendiri boleh menjadi pemberi perkhidmatan undang-undang yang sebenar di peringkat global.

Dalam hal ini, saya sukacita ingin menyebut Universiti Brunei Darussalam telah memperkenalkan Diploma dalam undang-undang syariah dan saya sukacita menggalakkan supaya lebih ramai pengamal undang-undang mengambil kursus ini. Memandangkan Kerajaan mempunyai rancangan besar untuk menjadikan negara ini sebagai salah satu Pusat Kewangan Islam yang terkemuka di bawah inisiatif BIFC (Pusat Kewangan Antarabangsa), ilmu undang-undang yang baru itu akan menjadi nilai tambah kepada semua pengamal undang-undang, lebih-lebih lagi apabila sistem kewangan Islam bertapak dalam pasaran kewangan global.

Penutup

Dengan sukacitanya Yang Amat Arif, saya ingin menamatkan ucapan saya ini.

Saya amat gembira dengan hubungan baik yang telah lama wujud di antara Jabatan saya dan Jabatan Kehakiman serta peguam-peguam persendirian dan saya berharap hubungan seperti ini akan berterusan pada tahun-tahun akan datang.

Saya sukacita juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pesuruhjaya Polis dan pegawai-pegawainya serta agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang lain kerana bantuan dan kerjasama mereka dan dalam usaha mereka yang berterusan pada memelihara dan mengekalkan ketenteraman. Sempena Tahun Melawat Brunei 2001, kita semua akan memastikan Negara Brunei Darussalam terus menjadi tempat yang aman, selamat dan tempat tinggal bagi mereka yang berada di sini termasuk pelancong-pelancong.

Akhir sekali izinkan saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan kepada Yang Arif Arif dan semua orang yang hadir pada pagi ini selamat tahun baru 2001 semoga maju jaya.